



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : SEJARAH REKABENTUK
KOD KURSUS : DID 2252
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 2 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (30 Markah)
 - BAHAGIAN B (20 Markah)
 - BAHAGIAN C (50 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 20 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Berikut adalah gaya-gaya Senibina dan Rekabentuk Moden **kecuali** _____.

- A *International Style*
- B *Hi-Tech Architecture*
- C *Expressionist Architecture*
- D *Deconstruction Architecture*

2. Gaya reka bentuk *Art Nouveau* ialah antara gaya-gaya yang dikategorikan sebagai "*Total Art Movement*" kerana mempunyai ciri-ciri yang berikut :


- i. Mempunyai *textile* dan *pattern* tersendiri
- ii. Gaya rekabentuk yang wujud dalam semua media seni
- iii. Mempunyai ciri-ciri khas dan jelas yang boleh dilihat melalui senibina
- iv. Gaya rekabentuk diguna pakai dalam rekabentuk perabot dan dekorasi

- A i dan ii
- B iii dan iv
- C i, ii, dan iii
- D Semua di atas

3. Apakah perbezaan di antara gaya Senibina *Hi-Tech* dan *Deconstruction*?

- A Penggunaan material pada bangunan.
- B Menggunakan teknologi tinggi dan moden.
- C Rekabentuk struktur dan fizikal luaran bangunan.
- D Pengaruh modernism yang jelas dilihat pada rekabentuk.

4. Istilah Revolusi Industri diperkenalkan oleh Friedrich Engels dan Louis-Auguste Blanquidi pertengahan abad ke-19 merujuk kepada _____ .
- A Peningkatan mutu kerja dan kualiti bahan binaan.
 - B Penggunaan mesin dalam memudahkan kerja-kerja memproses dan pembinaan.
 - C Perubahan gaya senibina kerana kewujudan mesin-mesin yang menggantikan kerja tangan manusia.
 - D Perubahan yang cepat di bidang ekonomi dari kegiatan ekonomi tradisional ke ekonomi industri yang menggunakan mesin.
5. Jambatan "*Millau Viaduct*" ialah jambatan tertinggi di dunia, direka oleh arkitek Hi-Tech terkenal iaitu _____ .
- A Anja Rubik
 - B Zaha Hadid
 - C Antoni Gaudi
 - D Norman Foster



Gambarajah A

6. Nama bangunan di dalam **Gambarajah A** di atas ialah _____ .
- A *Villa Savoye* oleh Le Corbusier.
 - B *Big Ben* oleh Augustus Welby Pugin.
 - C *Savoye Resort* oleh Frank Lyod Wright.
 - D *The Crystal Palace* oleh Joseph Paxton.

7. Apakah perbezaan di antara gaya rekabentuk *Art Nouveau* dan *Art and Crafts*?

- A *Art and Crafts* menolak penggunaan hasil kerja tangan.
- B *Art Nouveau* menolak penggunaan mesin dan teknologi.
- C *Art Nouveau* menerima penggunaan mesin dan teknologi.
- D *Art and Crafts* menerima penggunaan mesin dan teknologi.

8. Ciri-ciri senibina *Hi-Tech* ialah

- i. Mendedahkan struktur di luar dan dalam bangunan.
- ii. Penggunaan bahan berteknologi tinggi dan mesra alam.
- iii. Struktur rangka yang terdedah dari bahan bermutu tinggi.
- iv. Penekanan visual banyak diletakkan di atas keluli dalaman.

- A ii dan iii
- B iii dan iv
- C ii, iii, dan iv
- D Semua di atas


9. "*Casa Battlo*" adalah sebuah bangunan *Art Nouveau* yang dibina oleh _____.

- A Le Corbusier.
- B Antoni Gaudi.
- C Richard Rogers.
- D Gambatista Baste.

10. Berikut adalah warna-warna utama yang digunakan dalam rekabentuk *De-Stijl*


- A Merah, Biru, Kuning dan Hitam
- B Merah, Hijau, Kuning dan Putih
- C Merah, Hijau, Biru, Hitam dan Putih
- D Merah, Biru, Kuning, Hitam dan Putih

11. Gambar di dalam **Gambarajah B** di bawah merupakan salah satu senibina ikonik moden yang dikenali dengan nama



Gambarajah B


- A *The Louvre* oleh I.M Pei.
B *The Love Pyramid* oleh Pei Wei.
C *The Pavillion* oleh Francis Lourve.
D *Crystal Tower* oleh John Johnson.
12. Ungkapan rekabentuk '*Less is More*' telah dicipta oleh _____.
- A Le Corbusier.
B Marcel Breuer.
C Walter Gropius.
D Mies Van der Rohe.
13. Apakah yang dimaksudkan oleh ungkapan '*Less is More*' dalam senibina moden?
- A Merekabentuk senibina yang ringkas dan lebih murah.
B Mengurangkan penggunaan material agar pembinaan bangunan lebih mudah.
C Mengurangkan unsur rekabentuk struktur dan fizikal agar bangunan lebih tahan lama dan teguh.
D Merekabentuk komponen bangunan yang lebih ringkas agar senirupa tidak terjejas dan mudah difahami.



Gambarajah C

14. Gambarajah C di atas menggambarkan gaya rekabentuk _____.

- A *Hi-Tech*
- B *Fluidity*
- C *Futuristic*
- D *Deconstruction*



Carta 1

15. Berdasarkan Carta 1 di atas, bahagian (X) diwakili oleh _____.


- A Bauhaus
- B Revolusi Industri
- C *Art and Crafts Movement*
- D *Expressionist Architecture*

16. Piet Mondrian dianggap penyumbang besar gerakan seni _____.


- A *Judgenstil*
- B *Art Deco*
- C *De Stijl*
- D *Modernism*

17. Gambar-gambar seni di bawah adalah hasil oleh William Morris **kecuali**

A




C



B



D




18. Antara arkitek-arkitek di bawah, siapakah yang mempunyai kaitan dengan istilah 'Form Follows Function' ?

- A Le Cobusier
- B Frank Gehry
- C Louis Sullivan
- D Dankmar Adler

19. Menara berkembar Petronas ialah salah satu contoh senibina *Post-Modern* yang direka oleh _____.

- A Zaha Hadid
- B Renzo Piano
- C César Pelli
- D Norman Foster

Soalan 20 berdasarkan **Carta 2** di bawah :




Carta 2

20. Gaya reka bentuk yang terdapat di (Y) pada **Carta 2** di atas ialah _____.


- A *De Stijl*
- B *Art Deco*
- C Revolusi Industri
- D *Arts and Crafts Movement*

21. Pilih imej di bawah yang menggambarkan gaya "Streamline" dalam Art Deco.


A




C



B



D



22. Bauhaus merujuk kepada _____ .

- A Arkitek yang bernama Vaugh der Bauhaus.
- B Pengasas gerakan budaya seperti VandeVelde & Otto Wagner.
- C Gaya Senibina moden yang diperkenalkan oleh John Bauhaus Viehm.
- D Gaya dan fahaman yang diperkenalkan oleh Sekolah Senibina di Jerman.

23. Nama-nama lain bagi gaya *Art Nouveau* ialah

- i. *Jugendstil*
- ii. *Secession*
- iii. *Modernisme*
- iv. *Stile Liberty*


- A i, ii, dan iii
- B i, iii, dan iv
- C ii, iii, dan iv
- D Semua di atas

24. Tokoh arkitek paling tepat bagi menggambarkan gaya senibina awal 'High Tech' ialah _____.

- A Zaha Hadid & Le Corbusier.
- B Antoni Gaudi & Frank Gehry.
- C Renzo Piano & Sir Norman Foster.
- D Frank Gehry & Richard Makintosh.

25. Le Cobusier memberi definisi rumah sebagai _____.

- A *Machine for living.*
- B *A space for institution.*
- C *A shelter or accomodation.*
- D *A building for human habitation.*



Gambarajah D

26. Gambarajah D di atas merupakan Goetheanum pertama terletak di Switzerland. Ia merupakan salah satu senibina ikonik *Expressionist Architecture* yang direka oleh _____.

- A Durgh Eiffel.
- B Rudolf Steiner.
- C Gustave Eiffel.
- D Eiffel Mariano.


27. Apakah yang dimaksudkan dengan transformasi *Art Nouveau* kepada *Art Deco*?

- A *Art Deco* juga diasaskan oleh pereka yang sama.
- B Ciri-ciri *Art Deco* hampir sama dengan *Art Nouveau*.
- C *Art Nouveau* hanya menggunakan kepakaran tangan, manakala *Art Deco* menggunakan teknologi mesin.
- D Bentuk dan ciri-ciri *Art Nouveau* dimodenkan menjadi *Art Deco* supaya lebih mudah dan murah dihasilkan dengan mesin.

28. *The Chrysler Building* ialah contoh senibina _____ .

- A *Hi-Tech.*
- B *Art Deco.*
- C *Deconstruction.*
- D *International Style.*

Soalan 29 dan 30 berdasarkan **Gambarajah E** di bawah:



Gambarajah E

29. Apakah nama bagi kerusi di atas?

- A *Wassily Chair*
- B *Frank Gehry Chair*
- C *The Van Goth Chair*
- D *The Barcelona Chair*

30. Siapakah yang mereka bentuk kerusi dalam soalan 29 di atas?

- A Marcel Breuer
- B John Kennedy
- C Philip Johnson
- D Ludwig Mies van der Rohe

[30 MARKAH]

BAHAGIAN B (20 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.


Jawab **semua** soalan di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

Berikan Nama Gaya Rekabentuk pada **semua** gambar rajah yang diberi.


Cth Jawapan:

Y : Gaya Art Deco

1



2




3




4



5



6



7



8




9



10




11



12




13




14




15



16



17




18



19



20



[20 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab **DUA(2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan prinsip '**Socialism**' dalam *Arts and Crafts Movement*?
(2 markah)
- b) Namakan **dua(2)** senibina atau hasil seni yang ditemui semasa *Arts and Crafts Movement* berserta lakaran ringkas senibina atau hasil seni tersebut.
(4 markah)
- c) Berikan **empat(4)** perbezaan antara gaya *Arts and Crafts Movement* dan Revolusi Industri dari segi ciri-ciri senibina kedua-dua gaya tersebut.
(8 markah)
- d) Senaraikan **empat(4)** kesan *Arts and Crafts Movement* dan berikan huraian anda.
(8 markah)
- e) William Morris merupakan pengasas kepada gaya *Arts and Crafts Movement*. Berikan **tiga(3)** faktor beliau memulakan gerakan seni ini.
(3 markah)

SOALAN 2

a) Terangkan pernyataan yang berikut :

i. Definisi *Deconstructivism* serta lakaran contoh senibina.

(2 markah)

ii. **Tiga(3)** Arkitek *Deconstructivism* pada masa kini


(3 markah)

b) Senaraikan **dua(2)** ciri senibina *Deconstruction* serta huraikan jawapan anda bagi setiap satunya.


(4 markah)

c) Berdasarkan gambar objek yang diberikan di bawah, lakarkan rupa bentuk *Deconstruction* objek tersebut berdasarkan hasil idea anda sendiri.

Contoh Jawapan:



i.



ii.



(8 markah)

d) *Hi-Tech* ialah gaya senibina moden yang bermula pada tahun 1970an.

i. Senaraikan **empat(4)** ciri senibina Hi-Tech.

(4 markah)

ii. Berikan contoh bagi setiap satu dalam d(i).

(4 markah)

SOALAN 3

a) Lakarkan "*pattern*" atau corak yang sesuai mengikut gaya-gaya di bawah:

- i. *Art Deco*
- ii. *Art Nouveau*
- iii. *De-Stijl*

(6 markah)

b) Senaraikan **lima(5)** gaya senibina bagi setiap satu di bawah mengikut abad-abad berikut:

- i. Senibina Abad ke-20

(5 markah)

- ii. Senibina Era Moden

(5 markah)

c) Berikan **satu(1)** senibina ikonik atau popular yang terdapat di Malaysia, dan terangkan gaya rekabentuk yang dapat anda lihat dalam rekaan tersebut.

(3 markah)

d) Terangkan secara ringkas perkara yang berikut:

- i. Definisi '*Bauhaus*' dan asal-usul nama Bauhaus.

(3 markah)

- ii. **Tiga(3)** ciri hasil seni atau senibina Bauhaus.

(3 markah)

SOALAN 4

- a) Senaraikan **dua(2)** ciri gaya '*Ecology and Sustainable Architecture*'
(2 markah)
- b) Huraikan faktor gerakan *Memphis Group* .
(5 markah)
- c) Berikan **empat(4)** ciri gaya *Memphis Group*.
(4 markah)
- d) Berikan **lima(5)** bahan material yang digunakan untuk gaya '*Ecology and Sustainable Architecture*'
(5 markah)
- e) Lakarkan **satu(1)** contoh senibina '*Ecology and Sustainable Architecture*' bagi setiap satu yang berikut:
- i. The Crystal, London
 - ii. Falling Water , Pennsylvania
 - iii. Sydney Opera House, Australia
- (9 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

